


Modul yang terlibat dalam sistem eAduan adalah seperti berikut:



## Outcome



KEMENTERIAN  
ALAM SEKITAR DAN AIR  
Ministry of Environment and Water  
JABATAN ALAM SEKITAR



### Jabatan Alam Sekitar

Kementerian Alam Sekitar dan Air  
Aras 1 – 4, Podium 2 & 3, Wisma Sumber Asli  
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62574 Putrajaya, Malaysia.

Email : [aduanbk@doe.gov.my](mailto:aduanbk@doe.gov.my)  
URL : <https://eaduan.doe.gov.my>



 **e-Aduan**  
Jabatan Alam Sekitar

# SISTEM e-ADUAN

**Bahagian Penguatkuasa**  
Jabatan Alam Sekitar

# SISTEM e-Aduan



## LATAR BELAKANG

Jabatan Alam Sekitar (JAS) berhadapan dengan pelbagai isu pencemaran alam sekitar yang dikemukakan oleh orang ramai. Jumlah aduan dan pertanyaan yang diterima oleh JAS semakin meningkat setiap tahun. Bagi memastikan kes-kes pencemaran alam sekitar dapat ditangani secara sistematik dan tindakan segera dapat diambil terhadap penjenayah alam sekitar, satu sistem yang membolehkan orang awam mengemukakan aduan dan pertanyaan berkaitan isu-isu alam sekitar yang lebih cekap selaras dengan perkembangan teknologi komunikasi terkini perlu diwujudkan.

Sistem eAduan akan memudahkan orang ramai untuk berinteraksi secara elektronik dengan JAS tanpa had masa dan di mana-mana sahaja. Aduan atau pertanyaan berkaitan isu-isu alam sekitar yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) yang dikemukakan melalui sistem eAduan akan disalurkan terus kepada JAS Negeri dan pegawai berkenaan untuk tindakan segera. Orang awam juga boleh menyemak jawapan pertanyaan, hasil siasatan dan tindakan penguatkuasaan secara atas talian.

## Objektif



# 01

Membolehkan pengesanan dan penjejakan terhadap potensi punca pencemaran dibuat dengan lebih cepat.



# 02

Memastikan kaedah pengendalian aduan secara digital dilaksanakan daripada peringkat penerimaan aduan hingga semakan maklumbalas pengadu.



# 03

Memudahkan maklumat aduan dan pertanyaan daripada sistem eAduan disalurkan terus kepada JAS Negeri dan pegawai berkenaan secara terus dan cepat untuk tindakan segera.



# 04

Menyalurkan maklumat aduan kepada sistem eKAS bagi memastikan semua aduan direkod, diproses dan diambil tindakan oleh JAS.

## Jenis-jenis aduan dalam bidang kuasa JAS adalah:

Pembakaran terbuka

Pelupusan Haram Buangan Terjadual

Pencemaran Air

Pencemaran Udara

Tumpahan Minyak